

**UCAPAN PERASMIAN PUSAT SUMBER
OLEH PENERUSI JAWATAN KUASA PENGURUSAN**



Alhamdulillahirobila'lamin, was sola tu wasala asrafil anbiya iwarmur salin, wa a'la alihi wasoh bihi ajma a'in, Ammaba'.

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjat kesyukuran kehadiran Allah swt kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama, didalam Majlis Sambutan Maulidul Rasul dan Perasmian Pusat Sumber Masjid Al Mukarramah hari ini.

Selawat dan Salam keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad saw, juga kepada seluruh ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda.

Yang Di Hormati Pengerusi Majlis, Yang Di Segani Yang Bhg Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah, pengasas Masjid Al Mukarramah, Yang Di Raikan Para Peyumbang-penyumbang Pembangunan Pusat Sumber dan tetamu-tetamu kehormat, Yang Di Hormati Tuan Nadzir Masjid Al Mukarramah, AJK-AJK, Imam-iman, Pegawai Masjid seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan Yang di rahmati Allah swt sekalian,

Assallamu a'laikum waroh matullah hi wabarakatuh.

Sebagai peringatan kepada diri saya dan hadirin sekalian, hendaklah kita bertaqwa dan senantiasa meningkat taqwa kita kepada Allah swt, Tuhan semesta alam, Tuhan yang menghidupkan dan mematikan kita, mudah-mudahan kita semua termasuk didalam golongan orang-orang yang mendapat rahmat Nya.

Tuan dan Puan yang di rahmati Allah swt sekalian,

ILMU MENINGKATKAN TAQWA adalah MOTO atau slogan Pusat Sumber kita yang mana ianya bermaksud hanya dengan memiliki Ilmu lah, maka persoalan tentang pelbagai perkara mengenai kehidupan di Dunia dan Akhirat itu dapat difahami. Dengan kefahaman ini, maka ketaqwaan kita kepada Allah swt dapat ditingkatkan.

Setelah mendapat input melalui pemerhatian, pendengaran dan perbincangan dari pelbagai pihak maka kami AJK Pengurusan telah merumuskan bahwa MATLAMAT Pusat Sumber adalah untuk menjadikannya sebagai sebuah Pusat yang akan menjadi Pemangkin kepada pencambahan Ilmu. khususnya, Ilmu mengenai agama Islam, bagi kalangan anak-anak khariah Masjid Al Mukarramah terutamanya, melalui kemudahan-kemudahan konvensional dan juga teknologi masa kini.

Untuk mencapai matlamat ini maka kami juga telah membentuk suatu misi iaitu menyediakan, menjaga dan mengurus tadbir Pusat Sumber dengan sempurna dan sistematik agar ianya menjadi suatu Pusat yang sesuai dan selesa bagi Pengguna serta mencetuskan idea-idea yang praktikal kepada penyemarakan Ilmu.

Sementara Pelanggan Pusat Sumber adalah semua orang yang bertujuan untuk mengambil faedah diatas kewujudannya samada sebagai penerima atau pemberi Ilmu. Pelanggan Pusat Sumber akan menerima perkhidmatan yang terbaik dan selaras dengan kehendak syarak dari Pengurusan dengan cara yang adil dan saksama, jujur dan amanah serta bijak dan berhemah. Itulah Piagam Pelanggan bagi Pusat Sumber ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati Allah swt sekalian.

Kerja-kerja pembangunan Pusat Sumber mengambil masa lebih kurang 4 bulan yang bermula lebih kurang dalam bulan Ogos 2009 yang lalu dan siap sepenuhnya dalam bulan Disember 2009. Kerja-kerja Pembangunan telah diamanahkan kepada Jawatan Kuasa Pembangunan Pusat Sumber oleh Pihak Masjid, yang mana Ahli Jawatan Kuasa tersebut adalah terdiri dari saya sendiri sebagai Pengerusi, Tuan Hj Mois Alias sebagai Setiausaha, Tuan Hj Dr Padzil Mat Derus selaku Bendahari, Tuan Hj Mior Husnan Mohd Sabri sebagai Pengarah Projek dan ahli-ahli lain iaitu Hajah Puan Sarah dan Tn Haji Zainuddin Razak. AJK juga dinasihati oleh 2 orang Penasihat iaitu Timbalan Nazir, Tn Hj Shamsudin Majid dan Tn Haji Ahmad Suhaimi Datok Abdul Majid.

Pembangunan Pusat Sumber telah menelan belanja sebanyak RM73, 504 dan semuanya adalah hasil sumbangan anak-anak khariah dalam bentuk wang ringgit dan juga benda. Jazzakallah hu khair. Mudah-mudahan Allah swt murahkan rezeki mereka dan memberi mereka ganjaran kebaikan yang berlipat, didunia dan akhirat

Seterusnya dalam awal bulan Januari 2010 yang lalu, Jawatan Kuasa Pembangunan menyerahkan secara rasmi Pusat Sumber yang telah siap dibina kepada pihak Masjid dan Jawatan Kuasa tersebut dengan resminya dimansuhkan.

Setelah itu pihak Masjid menubuhkan pula Jawatan Kuasa baru bagi mengurus tadbirkan Pusat Sumber ini yang dinamakan Jawatan Kuasa Pengurusan Pusat Sumber dan melantik saya sekali lagi untuk mengetuainya. Sesungguhnya amanah yang berat ini saya pikul sedaya mungkin hanya kerana Allah swt dan tanpa bantuan ahli-ahli jawatan kuasa berikut sudah tentulah tidak terdaya saya menggerakkannya. Terima kasih diatas kesudian mereka bersama meringankan beban ini dan mereka-mereka itu adalah:

Tn Hj Mior Husnan Mohd Sabri – Setiausaha
Tn. Hj Dr Padzil Mat Derus – Bendahari
Encik Zainal Azimat Zainal Alam – Pengurus Operasi I
Hajah Puan Norhashimah – Pengurus Operasi II dan juga
Encik Kamarul Azam Othman
Tn Hj Mois Alias dan
Tn Hj Azmi Abdullah.

Sementara Penasihat-penasihatnya adalah Timbalan Nazir, Tn Hj Shamsudin Abdul Majid dan Tn Hj Ahmad Suhaimi Datok Majid.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati Allah swt sekalian,

Pusat Sumber telah disediakan dengan kemudahan-kemudahan Ruang bacaan, Ruang untuk Mesyuarat, 2 Bilik Kuliah yang boleh memuatkan sekitar 20 orang setiap bilik, kelengkapan-kelengkapan seperti Komputer dan capaian internet, Mesin Fotokopi, Pencetak, Mesin Fax, Projektor dan screen serta buku-buku rujukan dan majalah-majalah. Cuma buat masa sekarang terdapat hanya lebih kurang 200 buah buku sedangkan rak-rak yang telah disediakan mampu menampung sekurang-kurang 3000 buah buku.

Oleh itu saya amat mengalu-alukan, sumbangan berupa buku-buku terutama kitab-kitab muktabar untuk kita isi rak-rak yang masih kosong itu.

Sukalah juga saya maklumkan, bahwa AJK Pengurusan sedang mengolahkan suatu Program Kempen Menwakafkan Buku, dimana kita akan pamirkan senarai-senarai buku yang boleh dibeli oleh para Jemaah sekalian dan mewakafkan buku-buku tersebut kepada Pusat Sumber.

Pusat Sumber Masjid Al Mukarramah ini telah dibuka untuk kegunaan umum pada 18 Jan 2010 yang lalu. Antara Program yang sedang berjalan di Pusat Sumber sekarang ini adalah Kelas-kelas Tuisyen untuk para pelajar Tahun 2 hingga 6, disamping Kelas Bahasa Arab Bersijil yang akan dijalankan pada Bulan Mac akan datang ini.

Pusat Sumber bukanlah sahaja dibuka kegunaannya untuk mentelaah ilmu dan penggunaan komputer bagi Program-program Rasmi Masjid tetapi ianya juga dibuka kepada semua anak-anak khariah untuk digunakan bagi menjalankan pelbagai Program yang berkaitan dengan Ilmu. Cuma bagi program-program bukan Rasmi Masjid sedikit bayaran dikenakan untuk menampung kos menyelenggara Pusat ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati Allah swt sekalian,

Demi agar Pusat Sumber ini diurus tadbir dengan baik dan sempurna maka suatu polisi mengenai Penggunaannya telah diwujudkan dan tuan-tuan dan puan-puan boleh membacanya di laman web Masjid.

Walaupun bagaimanapun sukalah saya ingatkan bahwa Pusat Sumber ini adalah hak bersama dan marilah kita bersama-sama menjaganya dan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan. Semoga ianya menjadi tempat yang kondusif, tenang dan aman sesuai ianya sebagai tempat mencari Ilmu.

Namun adalah digalakkan ianya digunakan sepenuhnya oleh semua terutama anak-anak khariah Khariah Masjid ini.

Penghujung amanat ini sukalah saya mengingatkan diri saya serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian berhubung dengan beberapa ayat Alquran mengenai dengan Sedekah, Ilmu dan Taqwa:

Firman Allah swt dalam Surah Al Baqarah Ayat 261 :

Maksudnya:

Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.

Dalam Surah Al Hajj Ayat 54 Allah swt berfirman:

Maksudnya:

Dan juga supaya orang-orang yang beroleh ilmu mengetahui bahawa ayat-ayat keterangan itu benar dari Tuhanmu, lalu mereka beriman kepadanya, sehingga tunduk taatlah hati mereka mematuhiNya; dan sesungguhnya Allah sentiasa memimpin orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus.

Sementara dalam Surah An Nissa Ayat 162 Allah swt berfirman:

Maksudnya:

Tetapi orang-orang yang teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya di antara mereka dan orang-orang yang beriman, sekaliannya beriman dengan apa yang telah diturunkan kepadamu (Al-Quran), dan kepada apa yang telah diturunkan dahulu daripadamu, - khasnya orang-orang yang mendirikan sembahyang, dan orang-orang yang menunaikan zakat, serta yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; mereka itulah yang Kami akan berikan kepadanya pahala (balasan) yang amat besar.

Rasulullah s.a.w pula bersabda, maksudnya:

"Siapa yang keluar untuk menuntut ilmu maka ia berjuang fisabilillah hingga ia kembali". Riwayat At-Tarmizi dan Ad-Darimi

Wallah hu a'lam.

Sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Penyumbang-penyumbang Pembangunan Pusat Sumber ini dan juga Jawatan Kuasa Penganjur Pembukaan Rasmi Pusat Sumber yang diketuai oleh Tn Hj Azmi Abdullah dan En. Zainal Azimat Zainal Alam serta semua mereka yang terlibat.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga juga, dirakamkan kepada Yang Bhg Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah diatas kesudian beliau melapangkan masa untuk merasmikan Pusat Sumber ini. Dengan itu saya sudahi dengan doa:

Ya Allah, ya Tuhan kami, berkatilah segala usaha kami, rahmatilah kami, munafaatkanlah Ilmu yang kami miliki dan ampuni segala dosa kami, dosa kedua-dua ibu bapa kami dan dosa-dosa muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat yang masih hidup ataupun yang telah mendahului kami.

Sollallah hu a'la sayyidina Muhammad, wa a'la a'lihi wasoh bihi wassallam.

Aqulu qauli haza wa astaghfirullah hal a'zim mali walukum wassalamualikum warahmutullah hi wabarakatuh.